

Ada orang yang cuba pecahkan UMNO — Mahathir

TIMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan tentang adanya satu golongan "yang bermuka dua" cuba memecahbelahkan perpaduan UMNO.

Golongan ini cuba menimbulkan pergeseran dan syak wasangka dikalangan para pemimpin dan ahli-ahli dengan pemimpin parti untuk mencapai kepentingan mereka.

Beliau menjelaskan bahawa golongan ini bukanlah dalam UMNO dan tidaklah dari Barisan Nasional tetapi 'dari dalam atau luar negeri.'

Dr. Mahathir menyeru supaya para pemimpin dan ahli-ahli UMNO berwaspada terhadap ke-

ALOR SETAR 13 MAC

giatan golongan ini yang menggunakan taktik kotor dengan cara memutar belitkan kenyataan yang sebenar.

Golongan ini, terangnya menimbulkan masalah-masalah dalam UMNO supaya ahli-ahli bersikap syak wasangka terhadap pemimpin dan para pemimpin ragu terhadap sikap rakan sejawatnya.

Perpaduan

"Pada hal masalah yang ditimbulkan oleh golongan ini tidak wujud sama sekali tapi telah diada-adakannya untuk melemahkan perpaduan parti" jelas beliau.

Mengenai sejarah UMNO Dr. Mahathir menerangkan bahawa para pemimpin yang mempelupuri penubuhan parti ini dulu hanya mempunyai hasrat untuk memperjuangkan hak Melayu dan menjamin kedaulatan raja-raja.

"Tapi kita bernasib baik kerana mempunyai pemimpin yang mengambil kira kerana semua kaum adalah penting dewasa ini dan Tunku Abdul Rahman telah mengambil langkah yang bijak mengadakan kerjasama dengan kaum-kaum lain," katanya.

Dengan mengadakan kerjasama dengan parti-parti lain termasuk yang pernah menjadi parti lawan, menurut Dr. Mahathir bukanlah UMNO tamak kuasa tetapi semasa-mata untuk kesejahteraan rakyat.

Dr. Mahathir berucap merasmikan bangunan UMNO Padang Terap dan perayaan 30 tahun UMNO bahagian itu yang berlangsung secara meriah, semalam.

Beratus-ratus ahli UMNO bahagian tersebut yang diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabuddin telah menyambut beliau dan isterinya, Dr. Siti Asmah Mohd. Ali bila mereka tiba di Batu 24 Jalan Kuala Nerang kira-kira setengah batu dari bangunan UMNO itu.

Lebih dari 500 penunggang motosikal mendahului perarakan menyambut Timbalan Perdana Menteri itu dan disusuli dengan pembawa-pembawa bunga manggar dan bunga telur serta pengu-sung bendera besar UMNO.